



TEKS UCAPAN

**DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA KETUA
PENGARAH**

JABATAN TENAGA MANUSIA

SEMPENA

**ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA
(ILJTM) KALI KE-28**

PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTER (PICC)

**25 & 26 OGOS 2025 (ISNIN & SELASA)
SEMUA SIDANG (1, 2, 3 dan 4)**

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, dan Salam JTM DiHatiKu.

Terima kasih kepada saudara dan saudari pengacara majlis.

Yang Berhormat Encik Sim Chee Keong,

Menteri Sumber Manusia

Yang Berbahagia Datuk Azman Bin Mohd Yusof,

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA),

Yang Berbahagia DR. Mohd Shahrin Bin Umar,

Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa KESUMA,

Yang Berusaha Ts. Hajah Zuleah binti Darsong,

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Yang Berusaha **Ts. Kamaruzaman bin Haji Md. Ali,**

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

Pegawai-pegawai kanan,

KESUMA

Pengarah-Pengarah,

Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi,

Para tetamu Jemputan, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Para ibu bapa yang saya hormati,

Serta para graduan yang diraikan sekalian.

1. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas Rahmat-Nya, dapat kita bersama di Dewan ini bagi menyaksikan Istiadat Konvokesyen ILJTM Jabatan Tenaga Manusia kali ke-28 Tahun 2025.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita, meraikan dan seterusnya merasmikan Istiadat Konvokesyen ini. Bagi pihak Jabatan Tenaga Manusia (JTM), saya juga mengalu-alukan kehadiran semua dif-dif kehormat, tetamu jemputan, ibu bapa dan para graduan ke Istiadat ini.
3. Untuk makluman para hadirin, Istiadat Konvokesyen kali ke-28 ini turut menjadi platform rasmi bagi menghebahkan penggunaan nama baharu Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang selama ini lebih dikenali sebagai Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) secara meluas kepada masyarakat dan industri.
4. Nama Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) kini telah diseragamkan kepada **Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia atau *Advanced Technology College* (ADTEC) JTM**. Penjenamaan semula ini melibatkan keseluruhan rangkaian 33 buah kampus ADTEC JTM di seluruh negara termasuk JMTI dan Proton Institute ADTEC Melaka.
5. Pada tahun ini juga, buat julung-julung kalinya, **Anugerah ADTEC JTM Terbaik (AAJT) Tahun 2025** diperkenalkan kepada Kolej Teknologi Termaju (ADTEC JTM) di seluruh negara yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang secara holistik merangkumi aspek pengurusan, kualiti latihan, inovasi, pembangunan pelajar, serta penglibatan bersama industri dan komuniti.
6. Inisiatif **penjenamaan dan penarafan** ini merupakan langkah strategik JTM ke arah meningkatkan kecemerlangan institusi secara

menyeluruh, berasaskan penilaian prestasi, sekali gus memperkukuh identiti dan kedudukan institusi latihan kemahiran di bawahnya.

7. Pada Konvokesyen kali ini, seramai **7,180** orang graduan layak menerima anugerah sijil, diploma dan diploma lanjutan. Bagi sidang 1 ini, seramai **546** orang pelajar telah berjaya menamatkan latihan dan layak untuk diberikan pengiktirafan pada peringkat masing-masing.
8. Segala usaha dan pengorbanan saudara dan saudari mengharungi pelbagai cabaran sepanjang menjadi pelajar kampus ADTEC JTM akhirnya telah membuahkan hasil. Saat bersejarah pada hari ini tentunya akan menjadi kenangan yang bermakna dalam hidup saudara saudari sekalian. Bagi pihak JTM saya ingin mengucapkan **Syabas dan tahniah kepada saudara dan saudari sekalian!**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. ILJTM memainkan peranan yang amat penting dalam usaha memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang pertama di Malaysia semenjak tahun 1964 dengan penubuhan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur.
10. TVET merupakan teras utama dalam usaha membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing, yang memacu pelaksanaan Rangka Ekonomi MADANI bertujuan untuk menstrukturkan semula ekonomi negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi utama di rantau ASEAN, melalui penekanan terhadap pemerksaan modal insan, kecekapan sistem sokongan dan keterangkuman peluang ekonomi.
11. Melalui platform Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang kini dikenali sebagai Kolej Teknologi Termaju (KTT) JTM atau ADTEC JTM, kita berjaya melahirkan graduan yang berkualiti, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional.

12. Graduan ADTEC JTM dibentuk melalui pendekatan holistik berteraskan konsep acuan ASKAR iaitu:-
- A menggambarkan *attitude* atau sikap yang terpuji;
 - S melambangkan skill atau kemahiran yang tinggi;
 - K knowledge iaitu pengetahuan yang luas;
 - A *agile acceptability adaptability*; dan
 - R *resilient* daya tahan yang ampuh

yang mampu menyeimbangkan sikap, kemahiran, pengetahuan, keanjalan, dan daya tahan dalam melahirkan insan TVET yang cemerlang, seimbang dan berketerampilan.

13. Kerjasama strategik antara JTM dan industri yang terhasil dari ekosistem TVET yang kukuh mampu melahirkan graduan kompeten yang memenuhi keperluan tenaga mahir negara, sekali gus menyokong pembangunan mampan dan peningkatan produktiviti.
14. Maklum balas yang diterima melalui penglibatan pihak industri membentuk satu "*feedback loop*" yang konstruktif di mana penambahbaikan yang berterusan (konsep kaizen) diimplementasikan demi memastikan graduan ADTEC JTM kekal relevan, kompeten dan bersedia untuk dunia pekerjaan sebenar.
15. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) kekal komited mentransformasikan sistem latihan kemahiran melalui pendekatan berteraskan teknologi dan inovasi. Selaras dengan agenda pendigitalan negara, teknologi digital dimanfaatkan secara menyeluruh untuk membentuk ekosistem latihan yang interaktif, fleksibel dan mudah diakses, demi melahirkan graduan celik teknologi, adaptif dan kompeten, sejajar dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 dan aspirasi ekonomi digital di bawah Kerangka Ekonomi MADANI.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sejak penubuhannya, ADTEC JTM telah meraih pelbagai kejayaan termasuk pengiktirafan badan akreditasi tempatan dan antarabangsa.
17. Pengiktirafan OPITO atau 'Offshore Petroleum Industry Training Organization' di United Kingdom kepada ADTEC Kampus Kemaman dan Pasir Gudang, serta pelaksanaan program VISTA Petronas di ADTEC Kampus Bintulu dan Pasir Gudang, mencerminkan usaha berterusan JTM dalam melahirkan **graduan berkualiti yang diiktiraf oleh industri bertaraf dunia**.
18. JTM turut menyahut seruan kerajaan dalam menzahirkan **prinsip inklusiviti dalam pembangunan modal insan melalui Program TVET Tahfiz**. ADTEC JTM Ulul Albab Kampus Selandar diangkat sebagai pusat kecemerlangan TVET Tahfiz dan menjadi satu-satunya institusi TVET di negara ini yang menghimpunkan pelajar-pelajar dari aliran tahfiz secara eksklusif.
19. JTM kini turut meneroka **potensi ekonomi biru** dengan **membangunkan dan menawarkan kursus baharu dalam bidang maritim** bagi sektor pengangkutan dan logistik di ADTEC JTM Kampus Marang dan ADTEC JTM Kampus Kuala Terengganu bermula Julai 2025.
20. Penawaran kursus baharu seperti pembinaan dan penyelenggaraan bot gentian kaca serta penyelenggaraan elektrik kapal dan bot dijangka merencanakan usaha mempelbagaikan program latihan, yang potensinya dikembangkan melalui kepakaran dan pengalaman tenaga pengajar sedia ada serta kerjasama pintar bersama pihak industri dan badan bertauliah.
21. Sebagai langkah memperkasa transformasi digital, JTM telah meneroka kerjasama strategik dengan Huawei, yang telah menyatakan komitmen untuk menyokong pembangunan Kampus Pintar, Smart Classroom dan Huawei Learning Centres di institusi JTM. Sokongan turut merangkumi pelaksanaan *Proof of Concept*

(POC) bagi infrastruktur Kampus Tanpa Wayar berasaskan WiFi 7 di enam kampus ADTEC JTM terpilih.

Para Graduan yang dikasihi sekalian,

22. Kejayaan yang diraikan hari ini menandakan saudara dan saudari telah bersedia melangkah ke fasa baharu kehidupan - alam pekerjaan sebenar. Sebagai graduan TVET, anda membawa **jenama ADTEC JTM** yang unggul dengan berbekalkan kelebihan dalam kemahiran teknikal serta keupayaan untuk bekerja secara berdikari. Sebagai pekerja yang kompeten dalam bidang masing-masing, teruslah **menjelajah ilmu serta menjaja bakat** anda dengan yakin dan berintegriti.
23. Dalam dunia yang sentiasa berubah, jangan pernah berhenti belajar. Teruslah **beradaptasi dan tangkas menguasai teknologi terkini** serta merebut peluang untuk mendapatkan pengiktirafan profesional demi mengangkat kerjaya anda ke tahap yang lebih tinggi. Jadilah individu yang **melangkaui kebiasaan dan merangkul pelbagai kemahiran baharu** agar kekal relevan dan berdaya saing.
24. Kejayaan anda pada hari ini, tidak mungkin dicapai tanpa dorongan sokongan ibu bapa. Mereka yang selama ini menjadi tulang belakang sanggup berkorban masa serta harta benda, demi memastikan yang terbaik untuk anda. Pesanan saya, apabila sudah bekerja nanti, ingatlah jasa ibu bapa. Kini giliran anda pula untuk berbakti kepada mereka. Bahagiakanlah mereka, sementara Allah masih pinjamkan mereka kepada kita.
25. Tidak dilupakan jasa tenaga pengajar di ADTEC JTM yang mendidik dan membimbing anda dengan penuh dedikasi. Jika ada kelapangan, datanglah ke ADTEC JTM di mana tempat saudara dan saudari menimba ilmu dahulu. Kongsikan kisah kejayaan anda dengan pelatih baharu kelak, agar ia menjadi inspirasi untuk generasi seterusnya.
26. Ingatlah, dalam setiap langkah yang diambil, kekalkan semangat **KITA ('Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya')**, kerana kejayaan

sebenar bukan sahaja milik individu, tetapi hasil usaha bersama seluruh ekosistem TVET yang mendukung anda sejak awal. Saya doakan agar saudara saudari dilimpahi keberkatan rezeki serta kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Para Hadirin Sekalian,

27. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama untuk menjayakan Istiadat ini, dan tidak lupa juga penghargaan kepada para tetamu yang telah hadir, terutamanya Yang Berhormat Encik Sim Chee Keong, Menteri KESUMA.
28. Tahniah kepada seluruh graduan Kolej Teknologi Termaju ADTEC JTM. Sekian dan saya akhiri dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

JABATAN TENAGA MANUSIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

25 OGOS 2025